

13/12/2000

Keamanan tidak wajar digadai demi kaum

DI Parlimen kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjawab soalan Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) berhubung apa yang dimaksudkan Perdana Menteri, dalam perutusan Hari Kebangsaan, yang menyatakan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) tidak banyak berbeza dengan komunis yang hendak menghapuskan sama sekali kedudukan istimewa orang Melayu. Isu ini mula panas apabila Suqiu meminta kerajaan memenuhi 83 tuntutannya sebagaimana terkandung dalam memorandum 17 perkara yang dikemukakan kepada kerajaan. Disebabkan tuntutan seperti itu boleh mencetuskan keresahan, kerajaan tidak dapat melayaninya walaupun ia menjadikan kerajaan tidak popular. Maka, tercetuslah tanggapan seolah-olah kerajaan tidak berlaku adil kepada kaum lain dan seterusnya ia digembargemburkan oleh parti pembangkang untuk tujuan politik. Bagi parti pembangkang, isu seperti ini amat berkesan jika matlamat mereka adalah untuk mengucar-kacirkan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dianggotai oleh wakil semua kaum. Penolakan tuntutan Suqiu pastinya boleh menimbulkan kekecewaan rakyat bukan Bumiputera di Malaysia. Apakah ini bukan permainan api yang boleh memanasakan keamanan di Malaysia ini. Pada masa yang sama, Dr Mahathir sedar sebarang percubaan untuk merampas hak Melayu dan Bumiputera akan menyebabkan berlaku huru-hara. Mengimbas kembali sewaktu isu tuntutan itu disemarakkan, jelas ramai pihak yang melenting. Mereka ingin bersuara lantang, tetapi, dinasihatkan bertenang kerana tindak balas mereka, tidak akan menyelesaikan masalah. Mujur juga pemimpin kerajaan tidak bertindak emosional dalam menghadapi tuntutan yang menyinggung perasaan itu.

Persoalannya, apakah tuntutan seperti ini tidak mungkin berulang pada masa akan datang. Hanya kerajaan yang benar-benar kuat saja dapat menafikan tuntutan seperti itu walaupun ia datangnya daripada kumpulan yang lebih besar. Sebaliknya, jika sewaktu tuntutan itu dibuat kelak kerajaan sendiri lemah, apa juga tuntutan terpaksa direlakan. Apa juga kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan Malaysia, terpaksa dikorbankan. Ketika itu, rakyat Malaysia sudah terlewat untuk berbicara mengenai maruah atau martabat bangsa. Begitulah nasib yang akan menimpa rakyat dan negara ini jika mereka sendiri menghulurkan tengkuk untuk bermain dengan api. BN yang dianggotai oleh parti pelbagai kaum sudah pun terbukti mampu membawa kesejahteraan dan kemakmuran kepada negara. Oleh itu, mengapa perlu ada lagi tuntutan yang boleh mengeruhkan suasana. Bagi seluruh rakyat Malaysia, jika mahu negara ini terus aman, maka mereka perlu menghayati erti keamanan. Janganlah mencuba untuk memusnahkan harapan generasi akan datang. Rakyat perlu menerima hakikat bahawa mereka tidak boleh hidup bercakaran dan syak-mengesyaki antara satu dengan lain. Apa yang membimbangkan ialah sikap sesetengah rakyat Malaysia yang tidak lagi dapat menggunakan kewarasan berfikir, hanya semata-mata untuk mengejar kepentingan politik. Cerminlah diri sendiri terlebih dulu sebelum melihat kelemahan orang lain. Mentadbir sebuah negara, bukanlah semudah bercakap untuk membantah sesuatu tindakan atau keputusan. Perasaan dan sensitiviti pihak lain perlu dijaga bagi mengelakkan mana-mana kumpulan berkecil hati. Tetapi, ini tidak dilakukan oleh mereka yang kononnya berjuang untuk Islam atau menegakkan keadilan sedangkan diri mereka sendiri pun terlalu banyak kekurangan.

(END)